



**KENANGAN BERSAMA DUA ADIK ANGKAT:**

Cik Nadia bersama dua orang adik angkatnya di rumah keluarga angkat beliau di kawasan pergunungan di Thailand.

# BERBAKTI KEPADA DAYAK

**Mahasiswa SMU hampir 10 kali ke kawasan pergunungan di utara Thailand bantu dan ajar bahasa Inggeris kepada penduduk dan pelajar di sana**

Oleh

FARID HAMZAH

farid@sph.com.sg



**DANTARA YANG TURUT SERTA:**

Cik Nadia (tiga dari kiri) bersama para sukarelawan lain di luar salah sebuah sekolah tempat kerja-kerja sukarela dijalankan.

**M**ELAKUKAN kerja-kerja sukarela di kawasan perkampungan miskin atau anak yatim lumrah dibuat anggota badan kebajikan atau pelajar yang mengikuti program kemasyarakatan di luar negara.

Tetapi tidak ramai yang memilih ke kawasan terpencil di daerah-daerah pergunungan yang penduduknya merupakan suku kaum asli atau dayak.

Namun, inilah yang dilakukan mahasiswa Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Nadia Ahmad Samdin, 23 tahun, dalam melakukan kerja-kerja sukarela di daerah pergunungan Thailand.

Bukan sekali dua, tetapi anak sulung dua beradik itu telah menabur bakti kepada golongan sedemikian hampir 10 kali sejak usianya 15 tahun.

"Memang ramai yang tertanya-tanya mengapa saya suka lakukan kerja sukarela dengan penduduk asli."

"Sebenarnya, minat itu sudah tertanam sejak di menengah tiga. Ketika itu saya dan beberapa rakan lain telah dipelawa ke sebuah perkampungan di Mae Hong Son di utara Thailand selama dua minggu," kata beliau.

Menurutnya, pertama kali di sana, beliau dan beberapa rakanlah telah mengajar Bahasa

Inggeris kepada para pelajar di salah sebuah sekolah di situ.

Namun, beliau merasakan lawatan itu terlalu singkat untuk memahami dan mengetahui lebih lanjut tentang budaya serta keperluan penduduk di sana.

Atas sebab itulah, sebelum berangkat pulang, beliau berjanji pada dirinya sendiri bahawa beliau akan 'kembali ke sana'.

Tup tut, sekitar empat tahun kemudian, satu perbualan di kedai kopi bersama rakan-rakan sejurusan di SMU berakhir dengan kunjungan ke kampung suku kaum Dayak Bukit di kawasan pergunungan Chiang Mai, Thailand.

Sebelum ke sana, Cik Nadia dan rakan-rakannya membuat persiapan rapi, termasuk menjalankan penyelidikan terperinci tentang tempat yang bakal dikunjungi, budaya dan sekitarannya.

Mereka juga menjalin rangkaian hubungan dengan beberapa pertubuhan bukan pemerintah di sana.

"Alhamdulillah, pada 2010, kami berjaya menjalin rangkaian hubungan dan kerjasama dengan pertubuhan Pendidikan dan Budaya Penduduk Antara Pergunungan Thailand (Impact) dan Rangkaian Wanita Asli Thailand (IWNT), tempat kami membantu para pelajar belajar bahasa Inggeris, dan menjalani pertukaran budaya," kata bekas

penuntut Maktab Rendah Victoria (VJC) itu.

Sepanjang 2010 dengan 2011, Cik Nadia dan tiga rakanannya itu telah ke perkampungan Morwakhi, tempat kanak-kanak dari sekolah masyarakat di situ, dibimbing para sukarelawan termasuk beliau sendiri.

Sekolah tersebut dipilih kerana ia menawarkan pendidikan menyeluruh yang relevan kepada kehidupan para penduduk asli di sana.

Malah, sekolah tersebut juga turut dikunjungi pertubuhan setempat dan antarabangsa yang mendapat pendekatan dan proses pendidikannya cuba menyepakatkan kurikulum berdasarkan masyarakat dengan kurikulum nasional.

Antara 2011 dengan tahun lalu, beliau telah menjalankan projek yang sama di bawah naungan sebuah pertubuhan, Philantropy360, di kawasan itu serta daerah lain di Thailand.

"Kami semua sedar bahawa belajar bahasa Inggeris itu tidak mudah bagi mereka, apatah lagi para sukarelawan datang dan pergi sehingga guru-guru di sana sukar merujuk kepada sukarelawan jika ada sesuatu masalah pembelajaran."

"Itulah antara sebabnya mengapa kami kerap kembali ke sana kerana ingin memastikan masalah sedemikian dapat diatasi," katanya lagi.

Justeru, selepas tamat peperiksaannya minggu ini, beliau dan beberapa rakananya dari pertubuhan Philantropy360 itu bakal membuat kunjungan ke perkampungan itu sekali lagi bag meneruskan kerja sukarela.

Pada masa yang sama, mereka akan akan memperkasakan kaum Hawa di perkampungan tersebut dengan pelbagai kemahiran seperti rekaan barang dan meletakkan kos.

"Kali ini ada jurugambar yang akan merakamkan segala kegiatan dan kerja yang kami lakukan, selain seorang pakar memasaran yang akan mengajar kaum wanita di sana cara meletakkan harga sesuai dengan barang yang dihasilkan untuk dijual," katanya.

Di sebalik rasa puas melakukan kerja-kerja sukarela itu, Cik Nadia juga mengalami beberapa cabaran pada peringkat awal.

Ini termasuk ketidaksesuaian tempat tidur, kemudahan tandas, makanan dan bahasa.

Bagaimanapun, semua itu akhirnya dapat diatasi selepas beliau beberapa kali ke sana.

"Keluarga angkat saya di sana amat memahami diet pemakanan dan budaya masyarakat Muslim. Saya juga peka akan budaya mereka," kata Cik Nadia, yang turut menghadiri kelas bahasa Thai bagi membantunya lebih memahami keperluan penduduk.

Seperi ibu bapa lain, pastinya kedua orang tua Cik Nadia bimbang dengan penglibatan anak mereka itu yang yang kerap ke kawasan pergunungan Thailand itu.

"Ibu bapa mana yang tidak bimbang? Memanglah awalnya mereka kurang bersetuju kerana saya kerap ke kawasan Dayak itu. Mereka bimbang keselamatan dan khawatir pelajaran saya terganggu."

"Tapi lama-kelamaan, mereka dapat terima hakikatnya bahwa inilah yang membahagiakan saya. Malah dalam salah satu lawatan, ibu saya sendiri turut serta kerana mahu melihat keadaan di sana," katanya.

Dalam kunjungannya ke kawasan pergunungan itu, Cik Nadia menanggung sendiri segala kos lawatan itu hasil kerja sambilannya sebagai pengacara majlis di samping memberi tuisyen.

Bagaimanapun, tempat tinggal dan makan minumnya semasa di sana ditaja oleh keluarga angkatnya.



**KELAS DALAM HUTAN:**

Inilah salah satu kelas muzik dan drama kendalian para sukarelawan yang bersama Cik Nadia untuk para penduduk Dayak Bukit di kawasan pergunungan Chiang Mai di Thailand.

- Foto-foto ihsan CIK NADIA AHMAD SAMDIN



**MACAM KELUARGA SENDIRI:**

Keluarga angkat Cik Nadia (tiga dari kiri) amat prihatin dengan diet pemakanannya apabila beliau dan ibunya, Cik Mariam Lim (dua dari kiri) bersama dua sukarelawan lain berada di rumah mereka.